

CERAMAH PERINGATI
SYED HUSSEIN ALATAS

'Legasi Hussein Alatas masih hidup'

Prof Koh sifatkan Allahyarham sebagai bapa pengajian pascapenajahan yang perjuangan kepelbagaian budaya, antirasuah

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

LEBIH 12 tahun setelah pemergian tokoh Profesor Syed Hussein Alatas, idea yang diperjuangkan beliau semasa hayatnya masih relevan hingga hari ini, kata Duta Kelana Singapura, Profesor Tommy Koh.

Khususnya, tulisan dan pengamatan Profesor Alatas mengenai zaman selepas penajahan, kepelbagaian budaya dan antirasuah kekal penting.

Profesor Koh menambah, peninggalan Profesor Alatas merentas pengajian dunia Melayu, dan telah menyumbang kepada bidang ilmu lain termasuk sosiologi, sains politik dan sejarah.

"Meskipun 12 tahun telah berlalu, legasi intelek beliau tidak dilupakan.

"Beliau bukan sahaja seorang ilmuwan dalam pengajian Melayu, sumbangan beliau kepada dunia menjangkau itu," ujar Profesor Koh.

Beliau berkata demikian di Ceramah Peringatan Syed Hussein Alatas, yang dianjurkan buat tahun kedua oleh Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS).

Lebih 100 orang menghadiri acara yang diadakan di The Pod, Perpustakaan Negara itu, pada 17 September lalu – sempena tarikh ulang tahun Profesor Alatas.

Dilahirkan di Bogor pada 1928, Profesor Alatas pernah berkhidmat sebagai ketua Jabatan Pengajian Melayu NUS dari 1967 hingga 1987.

Beliau meninggal dunia pada usia 78 tahun di Kuala Lumpur.

BAPA PENGASAS PENGAJIAN PASCAPENAJAHAN

Dalam ucapannya, Profesor Koh menyifatkan Profesor Alatas sebagai bapa pengasas pengajian pascapenajahan.

Beliau menyebut buku *Mitos Peribumi Malas* Profesor Alatas, pertama kali diterbitkan pada 1977, yang mencetus inspirasi kepada cendekiawan lain di peringkat antarabangsa, termasuk pakar sosiologi Profesor Edward Said, hingga golongan pemikir hari ini.

Buku Profesor Alatas mengkaji stereotip tentang orang Melayu, Filipina dan Jawa yang dicipta pihak penjajah dalam usaha untuk menguasai rantau ini.

"Tidak salah saya katakan Edward Said dan Syed Hussein Alatas ialah bapa pengasas pengajian pascapenajahan," kata Profesor Koh.

Profesor Said, seorang tokoh Amerika Syarikat yang berasal dari Palestin, pula menerbitkan bukunya yang berpengaruh bertajuk *Orientalism* pada 1978, yang mengkritik prasangka terhadap golongan orang Arab. Bukunya itu turut mengiktiraf idea Profesor Alatas.

PEJUANG KEPELBAGAIAN BUDAYA DAN ANTIRASUAH

Sementara itu, Profesor Alatas merupakan seseorang yang memperjuangkan kepelbagaian budaya, kata Profesor Koh.

Pada 1968, beliau menubuhkan Parti Gerakan di Malaysia berdasar-

kan kepelbagaian budaya. Parti itu kemudian memenangi pilihan raya pada 1969.

Dalam satu perhimpunan untuk merayakan kemenangan mereka, beberapa anggota parti itu mengejek orang Melayu.

Parti itu kemudian meminta maaf tetapi Umno mengadakan satu perhimpunan untuk bertindak balas, yang kemudian bertukar menjadi satu rusuhan ganas yang mengorbankan lebih 180 orang.

Menyusuli episod itu, Profesor Alatas menubuhkan sebuah parti baru yang kemudian dibubarkan pada 1978.

"Usaha Syed Hussein untuk mengalihkan Malaysia daripada politik berdasarkan kaum tidak berjaya.

"Namun, beliau tidak pernah berhenti percaya terhadap keunggulan kepelbagaian budaya.

"Saya mahu percaya sejarah akan membuktikan beliau benar," ujar Profesor Koh.

Satu lagi gerakan yang diperjuangkan Profesor Syed Hussein sepanjang kehidupannya ialah kempen antirasuah.

Beliau telah menulis beberapa buku mengenai rasuah, termasuk *Sosiologi Rasuah* (1968), *Masalah Rasuah* (1986) dan *Rasuah: Sifat, Punca dan Fungsinya* (1990).

Antaranya, beliau menarik perhatian tentang bahayanya seorang pemimpin yang meskipun tidak makan rasuah, tetapi dikelilingi orang yang korup.

KURANG DIKTIKRAF

Turut hadir di acara itu ialah anak Profesor Alatas, Profesor Syed Farid Alatas, yang menimbulkan dalam sesi soal jawab, bahawa pelbagai masalah yang ditulis bapanya itu masih wujud hari ini.

Beliau juga setuju dengan legasi bapanya yang kekal hingga hari ini, tetapi menarik perhatian bapanya telah rasa diketepikan semasa hidupnya.

"Apabila anda berkata tentang beliau sebagai bapa pengajian pascapenajahan, ia benar tetapi ini tidak begitu diiktiraf," khususnya dalam konteks Singapura.

"Beliau agak diketepikan walaupun beliau masih hidup. Beliau tidak dianggap sebagai ahli sosiologi oleh jabatan sosiologi," ujar Profesor Syed Farid, yang kini seorang pakar sosiologi di NUS.

Kata Dr Farid lagi, bapanya juga mungkin kecewa dengan keadaan masyarakat Melayu di Singapura hari ini "yang tidak mempunyai semangat perjuangan, dan tampil untuk membincangkan isu-isu kritikal" seperti isu hubungan Sunni dan Syiah.

Seorang lagi yang hadir di ceramah itu, mantan Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Yatiman Yusof, pula menimbulkan persoalan apakah yang boleh dilakukan untuk mengiktiraf lagi sumbangan Profesor Alatas.


Menjawab soalan itu, Profesor Koh berkata: "Saya tidak percaya Profesor Alatas perlukan gelaran lagi. Sesiapa yang percaya kepada idea-ideanya harus terus menyebarkan."



BERSAMA JABATAN PENGAJIAN MELAYU: Profesor Tommy Koh (*empat dari kanan*) bersama beberapa kakitangan Jabatan Pengajian Melayu NUS termasuk (*dari kiri*) Profesor Madya Syed Muhammad Khairudin Aljunied, Profesor Madya Sher Banu A.L. Khan, Dr Suriani Suratman, Profesor Madya Maznah Mohamad, Profesor Madya Noor Aisha Abdul Rahman, Profesor Syed Farid Alatas dan Dr Azhar Ibrahim di Ceramah Peringatan Syed Hussein Alatas.

MEMPERINGATI CENDEKIAWAN TERSEOR: Profesor Tommy Koh berucap di Ceramah Peringatan Syed Hussein Alatas yang dianjurkan untuk tahun kedua pada 17 September lalu di Perpustakaan Negara. Acara itu turut dihadiri Anggota Parlimen GRG Jalan Besar, Profesor Yaacob Ibrahim (*duduk di barisan depan, paling kanan*); mantan Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Yatiman Yusof; dan mantan Menteri Negara Kanan, Encik Zainul Abidin Rasheed. – Foto-foto NUS

“



Meskipun 12 tahun telah berlalu, legasi intelek beliau tidak dilupakan. Beliau bukan sahaja seorang ilmuwan dalam pengajian Melayu, sumbangan beliau kepada dunia menjangkau itu... Tidak salah saya katakan (Profesor) Edward Said dan (Profesor) Syed Hussein Alatas ialah bapa pengasas pengajian pascapenajahan.

– Duta Kelana Singapura, Profesor Tommy Koh, merujuk kepada peranan yang dimainkan Profesor Alatas (*gambar atas*) dan Profesor Said, pakar sosiologi Amerika Syarikat kelahiran Palestin.

Saya tidak percaya Profesor Alatas perlukan gelaran lagi. Sesiapa yang percaya kepada idea-ideanya harus terus menyebarkan.

– Prof Koh, menjawab soalan mantan Setiausaha Parlimen Kanan, Encik Yatiman Yusof, mengenai apakah yang boleh dilakukan untuk mengiktiraf lagi sumbangan Profesor Alatas.

Pandangan mengenai Raffles kini lebih seimbang

SINGAPURA kini mempunyai pandangan yang lebih tepat dan seimbang tentang Stamford Raffles, sedang negara ini memperingati 200 tahun sejak ketibaannya ke negara ini, kata Duta Kelana Singapura, Profesor Tommy Koh.

Orang ramai kini juga lebih sedar dan faham tentang legasi positif dan negatif Raffles hari ini.

Sedang Raffles dikritik sebagai seorang yang membuat perancangan jahat, beliau dan William Farquhar juga diiktiraf kerana menubuhkan sebuah pusat perdagangan di Singapura.

"Kita terhutang budi ke atas kebijaksanaannya menjadikan Singapura sebuah pelabuhan bebas yang terbuka kepada kapal dari semua negara, dan bagi mempertahankan prinsip perdagangan.

"Tetapi kita tahu hari ini, Raffles seorang yang suka membuat perancangan jahat dan seorang yang mempromosikan dirinya.

"Beliau juga merampas pengiktirafan daripada Farquhar, dan iri hati terhadap populari Farquhar di kalangan penduduk setempat," ujar Profesor Koh.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Ceramah Peringatan Syed Hussein Alatas anjuran Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura

(NUS) baru-baru ini.

Pada 1971, Profesor Alatas telah menulis buku bertajuk *Thomas Stamford Raffles, 1781-1826: Schemer or Reformer?*

Profesor Alatas telah menentang langkah untuk menyanjung Raffles kerana melihatnya sebagai seorang yang mempunyai perancangan jahat.

Profesor Koh berkata perbincangan tentang peranan Raffles itu relevan tahun ini sedang Singapura memperingati Dwiabad atau 200 Tahun sejak ketibaan Raffles di pulau ini.

Sebagai Gabenor Leftenan di Jawa, Raffles telah memulakan Sultan Yogyakarta dan merampas barangan di istana – satu jenayah yang tidak boleh dimaafkan, kata Profesor Koh.

Profesor Koh bagaimanapun berkata buat masa ini, "tiada sentimen untuk mengeluarkan Raffles daripada *pedestal* (pujian)".

Namun, Singapura kini telah menemui sejarah prakolonialnya, dan lebih sedar naratif bahawa sejarah Singapura bermula pada 1819 tidak benar.

Negara ini juga telah mengenal pasti individu daripada pelbagai latar belakang yang telah menyumbang kepada sejarah Singapura.

"Akhirnya, sumbangan Farquhar kini juga diiktiraf," kata Profesor Koh.